

PTPTN pertahan caj tiga peratus

KUALA TERENGGANU 26 April - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mempertahankan tindakannya mengenakan caj perkhidmatan tiga peratus kepada peminjamnya dan menganggap bayaran itu sebagai relevan.

Pengerusi PTPTN, Datuk Razali Ismail berkata, kadar caj tersebut adalah munasabah dan semua pihak harus melihatnya dari konteks yang menyeluruh kerana ia adalah untuk manfaat kepada semua pelajar.

"Caj sebanyak tiga peratus ini tidak boleh dilihat secara negatif kerana sebenarnya ia digunakan semula untuk pengurusan pinjaman kepada pelajar lain dan ini adalah satu keperluan, bukannya keuntungan," ujarinya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kecemerlangan Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Negara di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohamed Khaled Nordin yang mengarahkan PTPTN mengkaji semula kadar caj perkhidmatan tiga peratus yang dikenakan kepada semua peminjam bagi mengurangkan beban mereka membayar pinjaman.

Sebelum ini, terdapat juga beberapa pihak yang meminta Majlis Fatwa Kebangsaan menyemak caj perkhidmatan tersebut termasuk kemungkinan ia mempunyai unsur riba.

Jelas Razali, sehingga kini lebih sejuta pelajar sudah mendapat manfaat daripada tabung pinjaman tersebut.

Menurutnya, tahun ini jumlah peminjam PTPTN akan bertambah kerana lebih 250,000 lepasan sekolah akan membuat pinjaman melalui tabung berkenaan untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

"Kita tidak mahu menjadi seperti agensi tertentu yang kehabisan duit tabung kerana pengurusannya yang tidak konsisten kerana melalui PTPTN, bayaran pinjaman akan digunakan semula untuk membiayai pelajar lain.

"Perkara ini perlu dilihat positif dan dipandang secara terbuka oleh semua pihak," ujarinya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan peminjam supaya membuat pembayaran balik dengan segera supaya ia boleh disalurkan kepada pelajar lain.

"Sebagai peminjam, kita harus sedar PTPTN adalah sebuah tabung yang dananya akan sentiasa digunakan.

"Jika peminjam tidak membayar balik, generasi akan datang yang merupakan anak-anak peminjam sendiri akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman PTPTN," katanya.